



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

**GERAN PENYELIDIKAN PENGURUSAN
BENCANA BANJIR
(TAHUN 2015)**

**SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL
(FRGS)**

**SKIM GERAN PENYELIDIKAN TRANSDISIPLINARI
(TRGS)**

**SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN PROTOTAIP
(PRGS)**

**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA.**

No. Tel: 03-8870 6959 / 6972 / 6973 / 6974

No. Faks: 03-8870 6867

Emel : rndflood@moe.gov.my

KANDUNGAN

Visi dan Misi Penyelidikan	3
BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	4
1.1 Tujuan	4
1.2 Kluster Penyelidikan	4
1.3 <i>Study Approach</i>	5
1.4 Tema dan Sub Tema	6
1.5 Syarat-syarat Permohonan	7
1.6 Peraturan Permohonan	16
1.7 Peraturan Kewangan	17
1.8 Hasil Penyelidikan	23
1.9 Tarikh Pembukaan Permohonan	24
BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	24
2.1 Penilaian Geran Khas Banjir	24
BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)	25
3.1 Implementasi Projek	25
3.2 Pengawalan Projek	25
BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)	27
4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	27
BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	28
5.1 Ketua Projek tidak lagi bertugas di IPT yang diperakukan	28
BAHAGIAN 6 (PERANAN)	28
6.1 Peranan Penyelidik	28
6.2 Peranan Ketua Program	28
6.3 Peranan Ketua Projek	29
6.4 Peranan Pusat Pengurusan Penyelidik (RMC)	29
6.5 Peranan Jawatankuasa Penilaian	29
6.5 Peranan Jabatan Pengajian Tinggi (JPT)	30

VISI DAN MISI PENYELIDIKAN

VISI

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing untuk transformasi ilmu dan kecemerlangan negara

MISI

Membudaya, memperkasa dan melestarikan kapasiti penyelidikan berimpak tinggi bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap perkembangan modal insan, peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan peradaban yang dinamik.

BAHAGIAN 1

PERMOHONAN

1.1 TUJUAN

Geran ini bertujuan untuk mendapatkan cadangan penyelesaian menyeluruh kepada bencana banjir yang melanda negara seperti yang berlaku baru-baru ini. Cadangan penyelesaian ini tertumpu kepada pengurusan bencana banjir sebelum bencana, semasa bencana dan juga selepas bencana.

1.2 KLUSTER PENYELIDIKAN

Pembiayaan geran ini meliputi kluster asas yang dapat menyokong agenda strategik negara. Kluster yang dikenalpasti adalah:

- 1.2.1 Sains Tulen (*Pure Science*)
- 1.2.2 Sains Gunaan (*Applied Science*)
- 1.2.3 Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)
- 1.2.4 Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)
- 1.2.5 Sains Sosial (*Social Sciences*)
- 1.2.6 Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
- 1.2.7 Sains Tabii dan Warisan Negara (*Natural Sciences and National Heritage*)
- 1.2.8 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*)

1.3 STUDY APPROACH

- 1.3.1** *In order to promote integration across various disciplines, the study approach is based on a river basin framework.*
- 1.3.2** *A river basin is unique because the boundary is naturally delineated based on water divide, thus the hydrological and geo-morphological processes and interaction between biota and abiota can be clearly established and quantified.*
- 1.3.3** *Comprehensive studies will be focussed on Sg Kelantan and Sg Pahang basins which are most affected by the recent flood disaster. This program must take advantage of the huge information and data as basis for formulating effective Disaster Risk Reduction (DRR) strategy.*
- 1.3.4** *Studies in other river basins (e.g Sg Johor, Sg Muar, Sg. Kemaman, Sg Perak, Sg Sarawak and its tributaries, Sg Batang Tatau, Sg Silau), if there is any unique feature or issue are also encouraged*
- 1.3.5** *The research must be aimed at supporting sustainable development encompassing all aspect - economically, environmentally, socially and DRR towards providing solution to flood disaster (fundamental and applied).*

1.4 TEMA DAN SUB TEMA

Theme: “Holistic solution to flood disaster based on Integrated River Basin Management”

Sub-themes:

- 1.4.1 **Basin characteristics:** geomorphological and hydrological processes, catchment morphometry, vegetation cover.
- 1.4.2 **Impact on environmental assets:** forest, forest management, water supply and water quality, aquatic habitat, environmental flow, bio-diversity etc.
- 1.4.3 **Flood and flood disaster:** triggering and causal factors, mechanism of disaster, risk and uncertainties, impacts, early warning system, flood protection and mitigation measures, flood modeling and prediction, climate change, weather forecasting, etc.
- 1.4.4 **Land-use and land-cover:** land-use management and administration, effectiveness of land-cover policy, spatial analysis, sustainable resource utilization, etc.
- 1.4.5 **Urbanization and industrialization:** villages, township and city, transportation, evacuation processes, relief program, flood-plain settlement/encroachment, etc.
- 1.4.6 **Governance for disaster risk reduction:** law and legislation, development plan, resources protection, awareness, institutional arrangement, policy and guidelines, SOP, insurance, living with flood, etc.

- 1.4.7 **Health and safety:** *Community based, psychosocial, infectious and non-infectious diseases, chronic diseases, food security, water borne diseases, vector borne diseases, education, vandalism, social problem, etc.*
- 1.4.8 **Disaster relief and preparedness:** *Volunteerism, response and preparedness, recovery, ERP, livestock relief, solid waste management, mobile facilities (water, energy, sanitation, communication, cooking facilities), mobile hospital, consultation and fatwa for coping with disaster, etc.*
- 1.4.9 **Socio-economic wellbeing:** *lost income / job / opportunity / agriculture / livestock / infrastructure, flood damage functions, disaster ethic / values, etc.*
- 1.4.10 **Flood resilience structures:** *Relief centre, architectural design, material, water supply facilities / water technology, etc.*

1.5 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1.5.1 Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Institusi Penyelidikan (RI), Universiti Cawangan dan Jabatan Pengajian Politeknik (JPP).
- 1.5.2 Permohonan untuk geran ini dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati tema dan sub tema yang telah ditetapkan.

- 1.5.3 Pemohon hanya dibenarkan mengetuai satu (1) projek sahaja dan hanya satu permohonan projek akan diperakukan untuk geran ini.
- 1.5.4 Ketua Penyelidik projek KPM sedia ada (FRGS, PRGS, TRGS, LRGS, RAGS dan RACE) dibenarkan untuk memohon salah satu (1) geran ini sebagai ketua projek.
- 1.5.5 Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi Ketua Penyelidik. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 1.5.6 Ketua Penyelidik yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.
- 1.5.7 Permohonan dari Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Institusi Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Institusi Penyelidikan di bawah Kementerian perlu mengikut syarat-syarat berikut:-
- 1.5.7.1 Bagi permohonan dari Institusi Penyelidikan, dimestikan Pegawai Penyelidik/*Research Scientist* bertaraf tetap; dan
- 1.5.7.2 Bagi permohonan dari JPP dan IPGM, dimestikan kakitangan akademik bertaraf tetap; dan
- 1.5.7.3 JPP, IPGM dan Institusi Penyelidikan hendaklah mengadakan kolaborasi dengan IPTA bagi projek penyelidikan yang dicadangkan.

1.5.8 **Tempoh penyelidikan** bagi geran ini adalah selama **sembilan (9) bulan**.

1.5.9 **Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)**

1.5.9.1 Warganegara Malaysia; dan

1.5.9.2 Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); dimestikan mempunyai satu (1) penyelidik bersama bertaraf tetap dari institusi yang sama; atau

1.5.9.3 Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai dua (2) penyelidik bersama bertaraf tetap dari institusi yang sama.

1.5.9.4 Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai dua (2) penyelidik bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap dari institusi yang sama.

1.5.9.5 Penyelidikan dan penghasilan modal insan mestilah dilakukan dalam negara.

1.5.9.6 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu **RM100,000.00**.

1.5.10 Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS)

- 1.5.10.1 Ketua Program hendaklah warganegara Malaysia;
- 1.5.10.2 Ketua Program adalah kakitangan akademik tetap (Profesor atau Profesor Madya) dan mengetuai salah satu projek dalam program tersebut;
- 1.5.10.3 Minimum dua (2) Ketua Projek hendaklah warganegara Malaysia;
- 1.5.10.4 Bagi Ketua Projek yang bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia kakitangan akademik yang bertaraf tetap dari institusi yang sama.
- 1.5.10.5 Ketua Projek yang bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama kakitangan akademik bertaraf tetap dari institusi yang sama.
- 1.5.10.6 Penyelidikan dan penghasilan modal insan mestilah dilakukan dalam negara.
- 1.5.10.7 Pemohon hanya dibenarkan menjadi Ketua Projek bagi satu projek sahaja.
- 1.5.10.8 Program ini mesti melibatkan **minimum tiga (3) projek** di bawah kluster yang berbeza dari institusi yang sama (pengecualian diberi untuk kes-kes tertentu yang melibatkan maksimum satu (1) kluster dari institusi lain).

Sub kluster yang merentasi disiplin penyelidikan di bawah kluster seperti berikut:-

a) Sains Tulen (*Pure Science*)

- i) Kimia (*Chemistry*)
- ii) Fizik (*Physic*)
- iii) Biologi (*Biology*)
- iv) Biokimia (*Biochemistry*)
- v) Sains Bahan (*Materials Science*)
- vi) Matematik dan Statistik (*Mathematics and Statistics*)

b) Sains Gunaan (*Applied Science*)

- i) Kimia (*Chemistry*)
- ii) Fizik (*Physic*)
- iii) Biologi (*Biology*)
- iv) Matematik dan Statistik (*Mathematics and Statistics*)
- v) Bioteknologi (*Biotechnology*)
- vi) Sains Bahan (*Materials Science*)

c) Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)

- i) Mekanikal dan Pembuatan (*Mechanical & Manufacturing*)
- ii) Elektrikal dan Elektronik (*Electrical and Electronic*)
- iii) Awam dan Struktur (*Civil and Structural*)
- iv) Bahan dan Polimer (*Material and Polymer*)

- v) Kejuruteraan Kimia dan Proses (*Chemical Engineering and Processing*)
- vi) Tenaga dan Teknologi Hijau (*Energy and Green Technology*)
- vii) Infrastruktur dan Pengangkutan (*Infrastructure and Transportation*)
- viii) Pembinaan dan Bahan Binaan (*Construction and Construction Materials*)
- ix) Aeroangkasa (*Aerospace*)

d) Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)

- i) Sains Perubatan Asas (*Basic Medical Sciences*)
- ii) Farmasi (*Pharmacy*)
- iii) Farmakologi (*Pharmacology*)
- iv) Mikrobiologi Perubatan (*Medical Microbiology*)
- v) Parasitologi (*Parasitology*)
- vi) Pathologi (*Pathology*)
- vii) Perubatan Pencegahan Masyarakat (*Community Medical Prevention*)
- viii) Klinikal Surgikal (*Clinical Surgical*)
- ix) Klinikal Medikal (*Clinical Medical*)
- x) Sains Kesihatan Bersekutu (*Associate Health Science*)
- xi) Pergigian (*Dental*)
- xii) Sains Kejururawatan (*Nursing Science*)

e) Sains Sosial (*Social Sciences*)

- i) Antropologi (*Anthropology*)
- ii) Psikologi (*Psychology*)
- iii) Sosiologi (*Sociology*)
- iv) Sains Politik (*Political Science*)
- v) Pengurusan dan Perniagaan (*Business and Management*)
- vi) Geografi (*Geography*)
- vii) Ekonomi (*Economic*)
- viii) Ekologi Manusia (*Human Ecology*)
- ix) Komunikasi (*Communication*)

f) Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)

- i) Bahasa dan Linguistik (*Language and Linguistic*)
- ii) Kesusasteraan (*Literature*)
- iii) Agama (*Religion*)
- iv) Falsafah (*Philosophy*)
- v) Tamadun (*Civilization*)
- vi) Sejarah (*History*)
- vii) Seni (*Art*)
- viii) Budaya (*Culture*)
- ix) Pendidikan (*Education*)
- x) Dasar dan Undang-undang (*Policies and Law*)
- xi) Alam Bina-Aspek Kemanusiaan (*Built Environment-Human Aspect*)
- xii) Alam Sekitar-Aspek Kemanusiaan (*Environment-Human Aspect*)

g) Sains Tabii dan Warisan Negara (*Natural Sciences and National Heritage*)

- i) Alam Sekitar (*Environment*)
- ii) Perhutanan (*Forestry*)
- iii) Pertanian (*Agriculture*)
- iv) Marin (*Marine*)
- v) Arkeology (*Archaeology*)
- vi) Geosains (*Geoscience*)
- vii) Etnografi (*Ethnography*)
- viii) Alam Bina-Aspek Warisan (*Built Environment-Heritage Aspect*)
- ix) Budaya (*Culture*)
- x) Kepelbagaian Biologi (*Biodiversity*)

h) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*)

- i) Perisian dan Sistem Maklumat (*Software and Information System*)
- ii) Pengkomputeran Lembut (*Soft Computing*)
- iii) Rangkaian Komputer (*Computer Networking*)
- iv) Keselamatan Maklumat (*Information Security*)
- v) Multimedia (*Multimedia*)
- vi) Kejuruteraan Komputer (*Computer Engineering*)
- vii) Sains Komputer (*Computer Science*)

1.5.10.9 **Maksimum 5 projek** bagi setiap program dan setiap projek yang dimohon tidak boleh melebihi siling peruntukan **RM150,000.00**.

1.5.11 **Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)**

1.5.11.1 Warganegara Malaysia.

1.5.11.2 Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah).

1.5.11.3 Bagi kakitangan bertaraf kontrak, termasuk bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama warganegara Malaysia yang bertaraf tetap.

1.5.11.4 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan iaitu **RM 200,000.00**.

1.5.11.5 **Geran PRGS tidak boleh digunakan bagi perkara berikut:**

1.5.11.5.1 Menghasilkan pelan perniagaan
(*Business plan*)

1.5.11.5.2 Kajian pasaran (*Market survey*)

1.5.11.5.3 Permohonan dan Pendaftaran Harta Intelek (*IP filing and registration*)

1.5.11.5.4 Pameran dan Promosi produk (*Product exhibition and promotion*)

1.5.11.5.5 Pembentangan persidangan
(*Conference presentation*)

1.6 PERATURAN PERMOHONAN

1.6.1 Permohonan untuk geran ini perlu menggunakan Borang FRGS/TRGS/PRGS – A1(R) melalui sistem MyGRANTS Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.6.2 Permohonan untuk geran ini dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati tema dan sub tema (perenggan 1.4) serta syarat (perenggan 1.5) di atas.

1.6.3 Semua permohonan perlu disokong dan diperaku oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) IPT atau Pengarah / Ketua Jabatan Pusat Tanggungjawab di JPP dan RI. Walau bagaimanapun penilaian dalaman di peringkat institusi adalah tidak perlu.

1.6.4 **Format Tajuk Penyelidikan:**

Pengisian tajuk penyelidikan di ruang "*Title of Proposed Research Project*" hendaklah merujuk kepada sub-tema di dalam garis panduan dan mengikut format berikut:

<subtheme>:<title of proposed research>

1.7 PERATURAN KEWANGAN

1.7.1 Vote 11000

Upah dan Elaun

1.7.1.1 Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja bagi geran FRGS dan TRGS. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2300 untuk pelajar PhD dan RM1800 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

1.7.1.2 Manakala bagi PRGS, siling upah dan elaun bagi RO/RA adalah tidak melebihi 10% daripada jumlah geran.

1.7.2 Vote 21000

Perjalanan dan Pengangkutan

1.7.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

1.7.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) hanya dibenarkan bagi geran khas banjir FRGS dan TRGS sahaja serta perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- a) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik dan

ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.

- b) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan / seminar / bengkel / kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.
- c) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- d) Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.
- e) Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

1.7.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran (bagi geran khas banjir FRGS dan TRGS).

1.7.2.4 Manakala bagi geran PRGS, perjalanan domestik dan antarabangsa yang berkaitan dengan projek

tidak melebihi 15% daripada jumlah geran. Walau bagaimanapun perjalanan bagi menghadiri seminar / persidangan / bengkel / kolokium adalah tidak dibenarkan. Perjalanan hanya dibenarkan bagi pembangunan prototaip sahaja. Sekiranya melebihi 15%, penyelidik perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Penilaian.

1.7.3 Vote 24000

Sewaan

1.7.3.1 Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

1.7.4 Vote 27000

Bekalan dan Bahan Penyelidikan

1.7.4.1 Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan

1.7.5 Vote 28000

Baik pulih kecil dan ubahsuai

1.7.5.1 Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

1.7.5.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan.

Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

1.7.6 Vote 29000

Perkhidmatan Ikhtisas

1.7.6.1 Bagi geran FRGS dan TRGS

- a) Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

- b) Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

1.7.6.2 Bagi geran PRGS, vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan

data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pembangunan prototaip sahaja.

1.7.7 Vote 35000

Aksesori dan Peralatan

1.7.7.1 Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan. Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan. Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

VOT	FRGS	TRGS	PRGS
11000	Upah dan Elaun GRA: i. PhD RM2300 ii. Sarjana RM1800	Upah dan Elaun GRA: iii. PhD RM2300 iv. Sarjana RM1800	Upah dan Elaun bagi RO/RA adalah tidak melebihi 10%
21000	Tidak melebihi 40%	Tidak melebihi 40%	Tidak melebihi 15%
24000	Tiada siling	Tiada siling	Tiada siling
27000	Tiada siling	Tiada siling	Tiada siling
28000	Tiada siling	Tiada siling	Tiada siling
29000	i. Perkhidmatan ikhtisas – tiada siling ii. Perkhidmatan khas / Belanja pakai habis tidak melebihi 5%.	i. Perkhidmatan ikhtisas – tiada siling ii. Perkhidmatan khas / Belanja pakai habis tidak melebihi 5%.	Perkhidmatan ikhtisas – tiada siling
35000	Tidak melebihi 40%	Tidak melebihi 40%	Tidak melebihi 40%

Jadual 1: Agihan Peruntukan Mengikut Vot

1.8 HASIL PENYELIDIKAN

BIL	HASIL PENYELIDIKAN	FRGS	TRGS	PRGS
1	Modal Insan Enrolment – perlu berdaftar sebagai pascasiswazah semasa tempoh kajian	1 PhD atau 1 MSc	1 PhD atau 2 MSc (per program)	-
2	Penerbitan (jurnal berindeks)	1 penerbitan	1 penerbitan (per projek)	-
3	Prototaip	-	-	Prototaip (Lukisan teknikal, proses)
4	Harta Intelekt	-	1 IP per program (fail)	1 IP (fail)

Jadual 2: Hasil Penyelidikan

1.8.1 Hak Harta Intelekt

Bagi projek yang dibiayai oleh Kementerian, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelekt di dalam negeri dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelekt hasil geran ini menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT. Pengurusan Harta Intelekt adalah menjadi tanggungjawab IPT.

1.8.2 Hasil Pengkomersilan

Hasil pengkomersilan yang dibiayai oleh geran Kementerian dan sumber lain hendaklah dikongsi bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.

1.9 TARIKH PEMBUKAAN PERMOHONAN

Tarikh pembukaan permohonan adalah pada **13 Februari 2015 hingga 6 Mac 2015** (3 minggu)

BAHAGIAN 2

PENILAIAN

2.1 Penilaian Geran Khas Banjir

2.1.1 Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam kluster masing-masing.

2.1.2 Perakuan Jawatankuasa akan dibawa kepada kelulusan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi untuk diluluskan.

2.1.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, Kementerian Pendidikan Malaysia.

BAHAGIAN 3

PEMANTAUAN

3.1 Implementasi Projek

Semua projek yang diluluskan perlu dipantau dari aspek:-

- i. Prestasi projek; dan
- ii. Prestasi kewangan

3.2 Pengawalan Projek

Laporan kemajuan/pembentangan setiap 3 bulan perlu dikemukakan kepada KPM untuk penilaian jawatankuasa yang dilantik.

Setiap IPT perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia di KPM laporan prestasi dan kewangan projek penyelidikan TRGS yang terdiri daripada:-

(i) Borang FRGS/TRGS/PRGS - P1(R)

- a) Laporan Prestasi Program dan Projek FRGS/TRGS/PRGS
- b) untuk diisi oleh setiap ketua projek dan program di IPT; dan
- c) perlu dihantar kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing.

(ii) Borang FRGS/TRGS/PRGS - P2(RMC)

- a) Laporan Keseluruhan Geran FRGS/TRGS/PRGS mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- b) diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing sebanyak satu (1) salinan; dan
- c) perlu disertakan bersama-sama Borang FRGS/TRGS/PRGS-P1(R), dan FRGS/TRGS/PRGS - K1(RMC).

(iii) Borang FRGS/TRGS/PRGS - K1(RMC)

- a) Laporan Perbelanjaan Kewangan bagi Geran FRGS/TRGS/PRGS mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- b) diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan
- c) disertakan bersama-sama dengan Borang FRGS/TRGS/PRGS -P2(RMC).

(iv) Laporan akhir penyelidikan (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format JPT yang merangkumi:-

- a) Ringkasan penyelidikan dan penemuan
- b) Laporan Kewangan
- c) Laporan Aset
- d) Hasil (disertakan bahan bukti)

- a. Modal insan (nama individu dan peringkat pengajian)
 - b. Penerbitan (dalam jurnal yang diiktiraf)
 - c. Prototaip
 - d. Harta Intelek
- 3.3 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada pejabat pengurusan penyelidikan setiap IPT.
- 3.4 Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan penyelidikan setiap IPT. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

BAHAGIAN 4

KEPUTUSAN

4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan

4.1.1 Surat kelulusan projek akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT.

4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh KPM kepada IPT setelah surat kelulusan dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Penilaian.

4.1.3 Keputusan Jawatankuasa Penilaian adalah muktamad.

BAHAGIAN 5

LAIN-LAIN

Lain - Lain Hal

5.1 Ketua Projek tidak lagi bertugas di IPT yang diperakukan

Geran Penyelidikan diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPT. Jika berlaku seperti perenggan 5.1, geran dan harta intelek tersebut masih di bawah kawal selia IPT yang diperakukan.

BAHAGIAN 6

PERANAN

6.1 Peranan Penyelidik

Penyelidik bertanggungjawab :

- i. membuat permohonan; dan
- ii. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan; dan
- iii. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan.

6.2 Peranan Ketua Program

Ketua Program bertanggungjawab :

- iv. membuat permohonan; dan
- v. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan; dan

- vi. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki di dalam garis panduan; dan
- iv. mengurus program penyelidikan dan penyelidik.

6.3 Peranan Ketua Projek

Ketua Projek bertanggungjawab:

- i. membuat permohonan; dan
- ii. menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan; dan
- iii. menghantar laporan kewangan, prestasi projek dan laporan akhir seperti yang dikehendaki dalam garis panduan kepada Ketua Program melalui RMC IPT masing-masing; dan
- iv. mengurus projek dan penyelidik.

6.4 Peranan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)

RMC bertanggungjawab:

- i. menerima dan memperakui permohonan daripada penyelidik.
- ii. menghantar permohonan yang diperakukan kepada KPM.
- iii. memantau prestasi kemajuan penyelidikan setiap 3 bulan serta menerima laporan akhir penyelidikan daripada penyelidik.
- iv. menyerahkan laporan kemajuan dan laporan akhir kepada KPM.
- v. mengurus aset daripada geran penyelidikan ini.

6.5 Peranan Jawatankuasa Penilaian

Panel Penilai bertanggungjawab:

- i. meneliti dan memperakukan permohonan penyelidikan dalam masa yang ditetapkan.

- ii. memaklumkan sebab-sebab kegagalan permohonan secara terperinci.
- iii. menjaga etika dan kerahsiaan permohonan (Akta Kerahsiaan).

6.6 Peranan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)

JPT bertanggungjawab:

- i. memaklumkan pelawaan permohonan Geran Khas Banjir kepada IPT;
- ii. melantik panel penilai;
- iii. menerima dan memproses permohonan yang dihantar oleh RMC dan di bawa ke sesi penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian;
- iv. memaklumkan keputusan penilaian kepada IPT;
- v. menerima laporan kemajuan setiap tiga (3) bulan dan laporan akhir penyelidikan.

Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:



URUS SETIA
BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA.
NO. TEL: 03-8870 6959 / 6972 / 6973 / 6974
NO. FAKS: 03-8870 6867
EMEL : rndflood@moe.gov.my